

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

IHT 302 Seni Lukis Moden Malaysia

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi ENAM(6) soalan dalam DUA(2) muka surat.

Jawab **TIGA(3)** soalan. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Tuliskan jawapan anda dengan jelas, tepat dan ringkas.

1. "Seni lukis moden" di Malaysia adalah satu jenis kesenian yang berkembang sempena perbezaannya daripada kesenian-kesenian visual tradisional. **Bincangkan bagaimana kedua-dua jenis seni ini berbeza.** Ambilkira juga konteks sejarah dan sosial di dalam perbincangan anda: yakni perhatikan peranan kesenian itu di dalam masyarakat dan sejarah.
2. Pada pendapat anda, kenapakah pelukis-pelukis moden di Malaysia meminati pengkaryaan abstrak atau separa abstrak?
3. Banyak telah diperkatakan tentang pembentukan dan perkembangan seni lukis moden Malaysia lahir daripada pengalaman negara ini dijajah oleh pemerintah British. Apakah pandangan anda tentang penjelasan begitu?
4. Bincangkan perkembangan seni lukis moden Malaysia dari segi tema "pencarian identiti budaya moden".
5. Seni Halus sebagai satu yang dibezakan daripada seni pertukangan dan rekabentuk atau di dalam fahaman lain, sebagai satu yang membentuk "High Culture" dan dibezakan dari "Low Culture" seni gunaan dan seni popular, merupakan sebuah idea yang diterima dan terbentuk di dalam sejarah kebudayaan Eropah. Pada pendapat anda, bagaimanakah fenomena sosial begini di Malaysia berhubungan dengan sejarah seni lukis moden Malaysia.

.../2

6. Bincangkan pemahaman Mikel Dufrenne tentang pengalaman seni di negara-negara dunia ketiga. ("Art in the Third World," The Three Faces of Art, ed. S. Gopinathan, Unesco, Singapore, 1977). Kaitkan perbincangan anda dengan keadaan seni lukis moden di Malaysia.

-ooooooo-